



# RESOLUSI

## MAWQIF

MESYUARAT MAWQIF BIL. 01

4 APRIL 2026

---



**HUBUNGI KAMI:**

Admin Sistem

[Info@multaqaalmaarif.com](mailto:Info@multaqaalmaarif.com)

# RESOLUSI

## MAWQIF

**MESYUARAT MAWQIF BIL. 01**

4 APRIL 2026

**BARISAN FELO SISTEM**

MULTAQA AL-MA'ARIF POINT

## **BUTIRAN**

### **MESYUARAT MAWQIF BIL. 01**

**Hari** : Sabtu

**Tarikh** : 4 April 2026

**Waktu** : 21:30 – 23:02

**Platform** : Dalam talian, Streamyard

# ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	3
Kata Alu-Aluan Ketua Eksekutif Felo	5
Petunjuk Mawqif:	7
Agenda 1:	
ISU MEMIJAK MUSHAF AL-QURAN AL-KARIM	8
Agenda 2:	
PENDIRIAN UMAT ISLAM: IRAN VS ISRAEL/AMERIKA SYARIKAT	10
Agenda 3:	
KENYATAAN MEMASTIKAN (JAZM) SESEORANG MATI SYAHID	14
Agenda 4:	
HUKUM PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT PADA HARI RAYA	17
Agenda 5:	
KAEDAH PENETAPAN BULAN HIJRI BAHARU	19
Agenda 6:	
MENGGABUNGKAN PUASA 6 SYAWAL DENGAN PUASA QADA'	20
Agenda 7:	
HUKUM BERMAIN MERCUN (KONTEKS: UMUM/HARI RAYA)	22
Agenda 8:	
SOALAN: ZAKAT FITRAH TAK SAH JIKA MAKAN BASMATHI	26
Agenda 9:	
HUKUM BAYAR ZAKAT BUAT PIHAK BUKAN TANGGUNGAN	27
Agenda 10:	
DERMA DARAH KETIKA BERPUASA, BATAL ATAU TIDAK	28
Agenda 11:	
STATUS HADITH TANDA-TANDA LAYLATUL QADAR	30
Agenda 12:	
ALTERNATIF HADITH DA'IF FADILAT BERSEDEKAH	31

Agenda 13:

DALIL SUAMI WAJIB MEMBERI PAKAIAN BAHARU SETIAP 6 BULAN 32

Agenda 14:

MUSAFIR NIAT JAMA' TA'KHIR & TIBA DI LOKASI LEBIH AWAL 34

Rujukan 35

## KATA ALU-ALUAN KETUA EKSEKUTIF FELO SISTEM

Ketua Eksekutif Felo

BARISAN FELO SISTEM MULTAQQA AL-MA'ARIF



**AL-USTAZ ABU MUSLIM  
SYIMIR ASYRAAF BIN EDDIE HALIM**  
FELO UTAMA  
FELO KANAN (HADITH/AKIDAH)  
CALON PHD HADITH, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Segala puji bagi Allah 'azza wa Jalla, Pencipta sekalian Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga Baginda ﷺ, para Sahabat dan orang yang mengikuti jejak langkah mereka dengan baik.

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Ilahi, saya merakamkan penghargaan atas penerbitan Resolusi Mawqif Mesyuarat Mawqif Bil. 01, yang menjadi manifestasi kesungguhan dalam meneliti, membahaskan dan merumuskan pendirian terhadap isu-isu semasa berteraskan disiplin ilmu yang sahih dan pendekatan yang berautoriti.

Resolusi ini bukan sekadar catatan perbincangan, bahkan merupakan natijah daripada proses ijtihad jama'i yang mempertimbangkan dalil-dalil syarak, realiti semasa serta maqasid yang seimbang. Ia diharapkan dapat menjadi panduan yang jelas kepada masyarakat serta rujukan yang diyakini dalam menghadapi pelbagai persoalan yang timbul.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa, para penyelidik, serta semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan kepakaran dalam menjayakan mesyuarat ini. Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan mencerminkan amanah besar dalam memelihara ketepatan ilmu dan kejelasan pendirian.

Akhir kata, semoga resolusi yang dihasilkan ini diberkati oleh Allah ‘azza wa Jalla, diterima sebagai amal soleh, serta memberi manfaat yang luas kepada umat. Mudah-mudahan segala usaha ini menjadi sebahagian daripada sumbangan kecil dalam memperkukuhkan kefahaman agama dan membimbing masyarakat ke arah kebenaran.

Sekian, Jazākumullāh Khayrā.

  
SYIMIR ASYRAAF BIN EDDIE HALIM

## **PETUNJUK MAWQIF**

**MM** : Mesyuarat Mawqif

**01** : Bil. 01

**01** : Mawqif ke-01

**04** : Tarikh MM

**04** : Bulan MM

**26** : Tahun MM

**KEPUTUSAN:**

Barisan Felo memutuskan bahawa bermain bunga api, mercun atau sebarang yang serupa pada hari raya atau hari-hari yang lain adalah perbuatan yang ditegah oleh syarak. Barisan Felo menegaskan bahawa tindakan ini juga dilarang di bawah undang-undang negara, dan umat Islam hendaklah menjauhinya.

**Nombor Siri Mawqif:**

MM/01/6 (04/04/26)

**Penjelasan:**Sebab Tegahan Pertama: Menyerupai Agama lain

Bermain mercun merupakan satu bentuk hiburan yang menyerupai amalan kebiasaan dalam kalangan penganut agama lain. Walaupun ia tidak termasuk dalam syiar yang diwajibkan bagi agama tersebut, namun ia telah menjadi adat yang lazim dalam sambutan perayaan mereka.

Perkara ini berkaitan dengan larangan menyerupai amalan sesuatu kaum dalam perkara yang menjadi ciri kebiasaan mereka. Hal ini sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ:

مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Maksud: “*Barangsiapa menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk golongan mereka.*”

(HR. Abū Dāwud dalam *al-Sunan* no. 4031)

Contoh dalam hal ini boleh diperhatikan pada Tahun Baru Cina dan Hari Raya Tet yang sememangnya membakar mercun atas dasar menghalau semangat jahat serta menarik dewa kekayaan ke pintu rumah.

Oleh itu, unsur penyerupaan tersebut merupakan antara faktor yang mendasari larangan ke atas hiburan mercun untuk diamalkan oleh umat Islam, khususnya apabila ia dikaitkan dengan ciri dan adat kebiasaan sesuatu agama dalam perayaan mereka.

### Sebab Tegahan Kedua: Membahayakan Nyawa

Laporan-laporan terdahulu mengenai kecederaan serta kehilangan anggota badan akibat bermain mercun sudah memadai sebagai bukti nyata akan bahaya yang wujud dalam penggunaan mercun, di samping menunjukkan keperluan untuk mengelakkan diri daripada terdedah kepada risiko tersebut demi menjaga keselamatan dan nyawa. Allah berfirman:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.”

(QS. al-Baqarah: 195)

Zahir ayat tersebut dapat difahami sebagai isyarat yang jelas agar seseorang tidak menjerumuskan diri ke dalam perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan atau membawa kepada kebinasaan. Berdasarkan prinsip ini, antara risiko dan bahaya yang berkaitan dengan penggunaan mercun ialah:

- a. Risiko terhadap diri sendiri
- b. Risiko terhadap orang lain
- c. Risiko terhadap jiran tetangga
- d. Menyebabkan kebakaran dan kerosakan harta benda

Selain itu, umat Islam juga dilarang keras untuk memberi mudarat kepada orang lain, hal ini sebagaimana dalam sabda baginda ﷺ:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: “Tidak ada kemudaratan dan tidak boleh membuat kemudaratan.”

(HR. Ahmad dalam *al-Musnad* no. 2865)

Hadith ini dinilai Hasan oleh al-Arna'ūṭ. Hadith ini jelas menunjukkan larangan untuk umat Islam memudaratkan orang lain. Dalil-dalil yang dipaparkan ini menunjukkan Islam menjaga nyawa pelaku dan orang lain yang berisiko menjadi mangsa.

### Sebab Tegahan Ketiga: Pembaziran

Pembelian mercun merupakan satu pembaziran. Allah berfirman:

وَلَا تُبْذِرْ تَبْذِيرًا (26) إِنَّ الْمُبْذِرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ

Maksudnya: “Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara Syaitan.”

(QS. Al-Isra’: 26-27)

Begitu juga dengan hadith yang diriwayatkan oleh al-Mughīrah bin Shu‘bah, Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ حَرَّمَ عَلَيْكُمْ عُتُوقَ الْأُمَّهَاتِ، وَمَنْعًا وَهَاتِ، وَوَادَ الْبَنَاتِ، وَكَرِهَ لَكُمْ: قِيلَ وَقَالَ، وَكَثْرَةَ السُّؤَالِ، وَإِضَاعَةَ الْمَالِ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah mengharamkan ke atas kamu menderhaka Ibu bapa, membunuh anak perempuan, menegah daripada banyak kerenah, benci bercakap yang bukan-bukan dan banyak soal serta membazir harta.”

(HR. Al-Bukhārī dalam al-Ṣaḥīḥ no. 5630)

Ibn Ḥazm al-Andalusī dalam menafsirkan pembaziran harta dalam hadith ini menyatakan seperti berikut:

فِإِضَاعَةُ الْمَالِ حَرَامٌ وَإِثْمٌ، وَعُدْوَانٌ، بِلَا خِلَافٍ

Maksud: “Membazirkan harta adalah haram, merupakan dosa dan suatu bentuk kezaliman tanpa sebarang khilaf.”

Perkara tersebut dapat dikaitkan dengan penggunaan mercun kerana membelanjakan harta untuk sesuatu yang tidak memberi manfaat, malah berisiko mendatangkan mudarat, termasuk dalam bentuk pembaziran. Tambahan pula, jika mercun digunakan tanpa keperluan yang munasabah, ia lebih hampir kepada perbuatan mensia-siakan harta yang ditegah dalam syarak.

#### Sebab Tegahan Keempat: Mengganggu Ketenteraman Jiran & Masyarakat

Menghormati jiran dan tetangga serta masyarakat umumnya adalah satu perkara yang wajib. Baginda ﷺ pernah bersabda:

وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ

Maksudnya: “Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata baik atau dia diam. Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan jiran tetangganya. Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya.”

(HR. Muslim dalam al-Ṣaḥīḥ no. 47)

Kegiatan bermain mercun ini boleh mengganggu ketenteraman penduduk setempat, khususnya apabila terdapat anak kecil atau individu yang sakit yang memerlukan rehat dan tidur yang mencukupi. Hal ini bertentangan dengan prinsip menjaga hak dan mengelakkan gangguan kepada orang lain. Perkara ini turut selaras dengan sabda Rasulullah ﷺ:

المُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Maksudnya: “Orang Islam itu adalah orang Islam yang lain selamat dari lidah dan tangannya.”

(HR. Al-Bukhārī dalam al-Ṣaḥīḥ no. 10)

Ibn Baṭṭal dalam syarahnya terhadap Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, beliau mengatakan:

والمراد بهذا الحديث الحض على ترك أذى المسلمين باللسان واليد والأذى كله

Maksud: “Yang dimaksudkan dengan hadis ini ialah dorongan agar meninggalkan perbuatan menyakiti orang Islam sama ada dengan lidah, dengan tangan, mahupun dalam apa juga bentuk gangguan atau kemudaratan.”

#### Sebab Tegahan Kelima: Undang-Undang Negara

Umat Islam wajib mengambil maklum bahawa pembakaran mercun adalah diharamkan di Malaysia berdasarkan Akta Bahan Letupan pindaan 1991. Hal ini berikutan meningkatnya kadar kecederaan dalam kalangan kanak-kanak terutamanya pada musim perayaan.

#### **Cadangan:**

Barisan Felo menyarankan agar umat Islam meraikan hari perayaan dengan bentuk hiburan yang diharuskan oleh syarak. Pada masa yang sama, hendaklah menjauhi perkara-perkara yang ditegah agar setiap detik sambutan tersebut diisi dengan ketaatan serta mematuhi batasan yang ditetapkan oleh syariat.

